

## **APLIKASI AQAD WAKAF DAN ELEMEN SYARIAH DI DALAM STRUKTUR WAKAF KORPORAT DI WAKAF AN-NUR CORPORATION (WANCORP)**

Kharil Faizal Khairi<sup>1</sup>, Hisham Sabri<sup>2</sup>  
Nur Hidayah Laili<sup>3</sup>, Nurhidayah Damiron<sup>4</sup>

[khairil@usim.edu.my](mailto:khairil@usim.edu.my)<sup>1</sup>, [hishams@usim.edu.my](mailto:hishams@usim.edu.my)<sup>2</sup>

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### **ABSTRAK**

Kepelbagaian amalan wakaf yang wujud pada masa kini menjadi peluang yang besar untuk mengetengahkan imej Islam sebagai pemangkin ekonomi ummah. Wakaf korporat merupakan salah satu cabang ekonomi yang mampu menjamin keampuhan ekonomi Islam dan pembangunan ummah. Realiti ini membawa kepada anjakan pemikiran dan mengetuk kesedaran pelbagai pihak bahawa sistem wakaf korporat harus diaplikasikan bukan sahaja sejajar dengan perkembangan semasa, malah harus menjadi sistem yang bertunjangkan syariah Islamiyah. Jcorp merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan wakaf korporat di Malaysia yang ditadbir oleh WANCORP. Struktur wakaf korporat yang diperkenalkan menjadi model pada keseluruhan projek wakaf korporat di Malaysia. Memandangkan wakaf merupakan satu konsep yang lahir dari peradaban Islam, maka sudah menjadi kemestian bagi pihak WANCORP untuk mengamalkan sistem dan menyediakan struktur yang dapat memaksimumkan konsep syariah Islamiyah supaya projek-projek wakaf patuh syare'i dapat dilaksanakan disamping dapat menangkis sebarang pertikaian oleh mana-mana pihak. Justeru, kertas kerja ini akan mengenalpasti keselarian struktur wakaf korporat WANCORP terhadap elemen-elemen syariah yang berkaitan. Penulis akan mengupas isu-isu tersebut dari perspektif syariah dan perundangan Malaysia. Metod kajian yang digunakan adalah satu kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen rujukan yang berkaitan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan wakaf korporat yang dipraktikkan oleh JCorp adalah sangat berguna dalam membangunkan kesejahteraan ekonomi ummah.

**Kata Kunci :** Saham Wakaf, WANCORP, Wakaf Korporat, Elemen Shariah

## 1.0 PENGENALAN & KAJIAN LITERATUR

Sedar atau tidak, manusia merupakan penentu pada kejayaan atau kegagalan sesuatu ekonomi sesebuah negara. Sebagai manusia yang bergelar Muslim, seharusnya segala bentuk aktiviti ekonomi yang dilaksanakan haruslah mendapat keredhaan Allah. Tambahan pula ekonomi Islam tidak melihat manusia sebagai manusia fizikal atau manusia ekonomi, akan tetapi manusia Muslim dianggap sebagai satu entiti yang mencakupi kecukupan fizikal dan spiritual yang memegang amanah sebagai khalifah di bumi Allah.<sup>1</sup>

Wakaf merupakan satu bentuk aktiviti ekonomi Islam yang berprestasi tinggi yang mampu membawa kepada pembangunan ummah untuk jangka masa yang lama. Pembelaan dan pemeliharaan harta dapat dilaksanakan sekiranya instrumen wakaf dilaksanakan mengikut kaedah, struktur dan model terbaik. Tambahan pula, pencerobohan pemilikan tidak akan berlaku terhadap harta wakaf. Justeru, aktiviti dan amalan wakaf tidak harus membelakangi apa yang ditetapkan oleh syarak.

Wakaf korporat boleh dianggap sebagai suatu perkara fardhu kifayah dan pengamalannya haruslah selaras dengan nilai-nilai Islam yang menguntungkan semua pihak yang terlibat bukan sahaja di dunia, tetapi juga di akhirat. Wakaf korporat menempah kedudukan yang tinggi dalam Islam kerana ia sangat membantu dari sudut memenuhi keperluan hidup bersosial dan beragama.

Harta wakaf adalah amanah, perolehan dan penggunaannya harus dipertanggungjawabkan bagi memastikan keadilan sosial dapat dicapai, mampu mewujudkan hubungan masyarakat yang erat seterusnya mencapai kemakmuran bersama. Sekiranya langkah ini berjaya diambil, maka terbuktilah bahawa wakaf korporat merupakan satu pendekatan kepada tanggungjawab sosial yang berlandaskan Islam.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Mohd Zuhairi Safuan. oktober 6 2011. *Konsep Ekonomi Islam*. <http://mzuhairi.blogspot.com/2011/10/konsep-ekonomi-islam.html>.

<sup>2</sup>Afizah Abd Jalal. 2014. *Wakaf Korporat: Transformasi Dalam Pembangunan Ekonomi*. Dimensikoop : Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan. H 10.

Islam tidak pernah mengabaikan umatnya. Setiap urusan kehidupan, wujudnya panduan dan peraturan yang harus diberi perhatian bagi menjamin manusia memelihara aspek rohani dan jasmani secara seimbang, setelah wujudnya keseimbangan di antara dua aspek itu, manusia akan sentiasa terikat dengan tuhanNya dalam segala aktiviti yang dilakukannya. Dengan demikian, manusia tidak mungkin alpa dan cuai dengan peraturan tersebut dan tidak pula bersikap melampaui batas sehingga sanggup bertindak zalim.

Inilah yang perlu diterapkan dalam pelaksanaan amalan wakaf korporat supaya tidak dicemari dengan unsur-unsur kapitalis barat yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata dan sarat dengan kepentingan individu dan pihak tertentu. Elemen-elemen wakaf korporat haruslah selari dengan elemen wakaf syar'ei sedia ada seperti syarat pewakaf, harta yang diwakafkan, penerima manfaat wakaf dan juga sighth. Semua perkara ini harus jelas ianya menepati syarak dan tidak wujud sebarang penyelewengan.

Artikel ini akan meneroka konsep wakaf dalam Seksyen 2 dan struktur wakaf korporat yang diperkenalkan oleh WANCorp dalam Seksyen 3. Seterusnya artikel ini juga akan membincangkan elemen dan isu syariah berkaitan wakaf korporat WANCorp sebagai satu struktur yang memenuhi syarat wakaf syarei dan kesimpulan, masing-masing dalam Seksyen 4 dan 5.

## 2.0 KONSEP WAKAF DALAM ISLAM

### 2.1 Pandangan Ulama Terhadap Istilah Wakaf

Menurut tafsiran para *fuqaha*, *sadaqah jariyah* diertikan sebagai memberikan sesuatu harta semasa hidupnya dan penggunaannya kekal untuk selama-lamanya (Abd. Shakor, 2011). Dari segi bahasa, wakaf berasal dari perkataan arab *wakafa* yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man'*) (Siti Mashitoh, 2007). Secara teknikal, wakaf bermaksud penahanan harta seseorang untuk menggunakan hasilnya secara berkekalan demi memenuhi keperluan tertentu bergantung kepada pilihan dan syarat-syarat yang dibuat oleh *al-waqif* atau orang yang memiliki harta (Muhammad Ridhwan, 2012). Ia pula tidak boleh disyaratkan bagi mendapat pulangan keuntungan tertentu<sup>3</sup>. Menurut Imam Mohammad Khatib al-Syarbiniy definisi wakaf ialah menahan sesuatu barangan yang boleh dipergunakan dengan mengekalkan bentuk fizikalnya mengikut peraturan-peraturan yang telah dibenarkankan oleh syarak<sup>4</sup>.

### 2.2 Definisi Wakaf Korporat Dari Perspektif Semasa

Wakaf korporat pula merujuk kepada suatu aspek pengurusan harta-harta wakaf yang berbentuk harta alih seperti wang tunai, saham syarikat dan dividen saham yang diurus tadbir secara penuh oleh entiti korporat ataupun secara kerjasama di antara syarikat korporat dan pihak berkuasa wakaf (Magda, 2013). Di antara elemen penting bagi struktur wakaf korporat adalah aset wakaf yang berbentuk harta alih, manakala pemegang amanah wakaf iaitu syarikat korporat yang merupakan *mutawwali* dan juga penerima harta<sup>5</sup>.

---

<sup>3</sup>*Encyclopedia of Muamalat*. 2010. Terbitan Bank Muamalat Malaysia Berhad, h 112.

<sup>4</sup>al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib. 1352H/1933M. *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jilid ke-2. Hlmn.:376.

<sup>5</sup> Asharaf Mohd Ramli2 & Abdullaah Jalil 2012. "Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat". Universiti Sains Islam Malaysia, h 8.

Berdasarkan definisi di atas, kita dapat memahami bahawa apabila seseorang menderma hartanya sebagai wakaf, maka dia tidak boleh memiliki harta tersebut dan ia akan menjadi hak milik Allah selama-lamanya dan tidak boleh diniagakan. Pada masa yang sama, manfaat wakaf boleh digunakan menurut Syariah supaya harta wakaf boleh bertahan lama dan boleh dinikmati oleh orang-orang Islam dan masyarakat setempat (Muhammad Ridhwan, 2012). Di samping itu, mereka juga boleh mendapat manfaat daripada harta wakaf tanpa ada tempoh yang tertentu dan mengikut aqad yang telah ditetapkan<sup>6</sup>.

### 2.3 Dalil Pensyariatan Wakaf

#### Dalil Pertama :

Firman Allah SWT :

عَنْكُمْ وَيُكْفِّرْ لَكُمْ خَيْرٌ فَهُوَ الْفُقَرَاءُ وَتَوْتُوها تُخَفُوها وَإِنْ هِيَ فَنِعْمًا الصَّدَقَاتُ تَبْدُو وَإِنْ

خَيْرٌ تَعْمَلُونَ بِمَا وَاللَّهُ سَيِّئَاتِكُمْ مِّنْ

Maksudnya : “Kalau kamu zahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan.”<sup>7</sup>

<sup>6</sup> Faizah Ismail. 2006. *Asas-asas Muamalat Dalam Islam*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur. h 56.

<sup>7</sup> Al-Quran. Al-Baqarah. 2:271

### Dalil Kedua :

Firman Allah SWT :

فَإِلَّا عَلَىٰ رَبِّهِ وَجْهَ ابْتِغَاءٍ إِلَّا ۖ تُجْزَىٰ نِعْمَةً مِّنْ عِنْدِهِ ۚ لِأَحَدٍ وَمَا يَنزَكِيٰ مَالَهُ ۖ يُؤْتِي الَّذِي

يَرْضَىٰ ۖ وَلَسَوْ

Maksudnya : “Yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan harta bendanya, sedang ia tidak menanggung budi sesiapaupun, yang patut di balas, Hanyalah mengharapakan keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi; Dan demi sesungguhnya, ia tetap akan berpuas hati (pada hari akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).”<sup>8</sup>

### Dalil Ketiga :

Hadith Uthman r.a katanya :

عن عثمان "أن النبي صلى الله عليه وسلم قدم المدينة، وليس بها ماء يستعذب غير بئر رومة. فقال : من يشتري بئر رومة فيجعل فيها دلوه مع دلاء المسلمين بخير له منها في الجنة؟ فاشتريتها من صلب مالي.<sup>9</sup>

Maksudnya :” sesungguhnya Nabi SAW sampai di Madinah, dalam keadaan di Madinah tidak ada air yang boleh diminum melainkan air Perigi Raumah. Lalu baginda bersabda : “siapakah yang mahu membeli perigi Raumah, lalu dia mewakafkannya sehingga dia meletakkan timbanya di telaga itu bersama timba-timba orang Islam, dengan ganjaran yang lebih baik baginya daripada perigi itu di dalam syurga?” lalu aku(Saidina Uthman r.a) pun membelinya dengan harta milikku sendiri sepenuhnya.

### Dalil Keempat :

<sup>8</sup>Al-Quran.Al-Lail. 92:18-21

<sup>9</sup> Muhammad Bin Isa. 1975. *Jami' As-Sahih Sunan Attirmizi*. n.pl : n.pb. Juzuk 5.Kitab mal-manaqib. Bab fi manaqib Uthman Bin Affan r.a. hadis 3705. H 627.

Abdul Rahman bin 'Auf merupakan sahabat Nabi SAW yang amat terkenal dengan sifat dermawan telah banyak menderma dan membantu umat Islam. Sebagai contoh, dalam perang Tabuk, beliau telah menderma 40 ribu dinar, menyerahkan 500 ekor unta dan 500 kuda perang bagi kegunaan tentera Islam.<sup>10</sup>Sifat dermawan Abdul Rahman r.a digambarkan dengan kata-kata yang masyhur tentang dirinya bahawa :

قبيل : أهل المدينة جميعا شركاء لابن عوف في ماله، ثلث يقرضهم، وثلث يقضي عنهم ديونهم، وثلث يصلهم ويعطيهم.

Dikatakan penduduk Madinah semuanya rakan kongsi bagi Abdul Rahman, pada hartanya, 1/3 penduduk Madinah diberikan oleh beliau pinjaman tanpa faedah (Qard Hasan), 1/3 lagi dibantu oleh beliau dengan dibayar hutang mereka dengan orang lain dan 1/3 lagi disambung hubungan silaturrahim dan diberikan pemberian.<sup>11</sup>

### 3.0 JCORP MENELADANI SEJARAH PERWAKAFAN RASULULLAH SAW DAN PARA SAHABAT RA

Amalan wakaf yang dipraktikkan oleh Baginda Rasulullah saw menjadi perintis amalan perwakafan pada masa kini. Amalan wakaf baginda bermula apabila Baginda membina masjid Quba' yang dibina di atas tanah yang diwakafkannya ketika penghijrahan Baginda dan para sahabat ke Madinah. Masjid Quba' menjadi wakaf terawal dalam Islam yang diasaskan oleh penghulu nabi iaitu Nabi Muhammad saw.<sup>12</sup>Sebelum memasuki Kota Madinah, Baginda saw mengasaskan masjid Quba' dan melaksanakan solat di situ. Masjid Quba' merupakan masjid yang pertama sekali dibina di atas dasar taqwa setelah Baginda dibangkitkan sebagai Rasul.<sup>13</sup>

<sup>10</sup><http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/2012-04-27-03-02-07/sejarah-wakaf>

<sup>11</sup>Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali At-Takiri. 10 Mei 2014. *Abdul Rahman Bin Auf ; Mujahid, Dermawan dan Zuhud*. <http://www.harakahdaily.net/index.php/kesatuan-fikrah/27790>.

<sup>12</sup>Abdullah Bin Muhammad Bin Saad Al-Hujaili.n.d*Al-Awqaf An-Nabawiyah wa waqfiyat ba'dhu As-Sahabah Al-Kirom*.n.pl. n.pb. h 154.

<sup>13</sup>Syeikh Safy al-Rahman al-Mubarakfuriyy.n.d. *Seerah Nabawiyah Al-Raheeq Al-Makhtum*. n.pl. n.pb. h 148

Begitu juga dengan pembinaan Masjid Nabawi di Madinah yang juga dibina dengan sumber wakaf. Sewaktu Baginda Rasulullah saw tiba di Madinah, Baginda saw memerintahkan supaya dibina sebuah masjid yang dikenali dengan al-Masjid an-Nabawi, tanah yang dijadikan tapak masjid itu merupakan sebidang tanah yang dimiliki bersama oleh dua orang anak yatim, Baginda saw lantas membelinya dari anak yatim tersebut dan mewakafkan tanah serta masjid yang dibina untuk kesejahteraan umatnya.<sup>14</sup>

Masjid yang dibina itu bukan hanya sekadar boleh menunaikan solat semata-mata, malah ianya berperanan sebagai "Jamiah". Padanya kaum muslimin bertemu untuk menerima ajaran Islam dan perintah yang suci, ianya muntada (tempat pertemuan), padanya seluruh etnik dan kabilah yang dahulunya berkelahian lantaran semangat jahiliah, kini dapat bertemu dan bermesra. Masjid Nabawi juga adalah pengkalan kepada hal ehwal pengurusan dan pentadbiran. Ianya ibarat parlimen untuk sidang permesyuaratan, perundangan dan penguasaan undang-undang. Di samping itu juga, masjid Nabawi juga merupakan tempat tumpuan untuk sebilangan besar dari kaum Muhajirin yang fakir, yang tidak mempunyai harta, keluarga mahupun anak-anak, untuk berlindung di dalamnya.<sup>15</sup>

Wakaf telah menjadi salah satu dari sumber dana bagi jihad Rasulullah saw dan para sahabat selain zakat dan baitulmal. Wakaf yang berbentuk tanah pertanian, hasil perdagangan orang-orang kaya Muslim dan lain-lain sumber yang hasilnya akan disalurkan untuk para mujahid yang berjihad di jalan Allah. Sejak dahulu lagi, wakaf telah berperanan penting dalam memberi kemajuan dan pembangunan dalam pelbagai amal sosial seperti pendidikan, perubatan dan jihad.

Amalan wakaf telah hidup subur dan diteruskan oleh para sahabat dan tabiin yang banyak mewakafkan harta untuk kepentingan dan pengembangan syiar Islam ketika itu. Semangat dan keyakinan masyarakat Arab ketika itu terhadap mekanisme wakaf dalam membantu membangunkan syiar Islam amat menggalakkan dan sesetengah kenyataan

---

<sup>14</sup>Abdullah Bin Muhammad Bin Saad Al-Hujaili.n.d. *Al-Awqaf An-Nabawiyah wa waqfiyat ba'dhu As-Sahabah Al-Kirom*.h 150.

<sup>15</sup>Syeikh Safy al-Rahman al-Mubarakfuriyy.n.d. *Seerah Nabawiyah Al-Raheeq Al-Makhtum*. h 160



menyatakan bahawa telah menjadi tradisi masyarakat Arab akan mewakafkan 1/3 hartanya sebelum meninggal dunia.

#### **4.0 PERTIMBANGAN ASPEK-ASPEK SHARIAH DI DALAM STRUKTUR WAKAF KORPORAT JCorp**

Jadual berikut menunjukkan ringkasan yang menggambarkan perbincangan aspek-aspek syariah yang terdapat di dalam struktur wakaf korporat JCorp :

Jadual 1: Aspek-aspek Syariah Wakaf Korporat Johor Corporation

<b>Bil.</b>	<b>Elemen Syariah</b>	<b>Isu dan Keterangan</b>
1.	Aset Wakaf	<b>Saham tunai</b> <b>Isu</b> : Keharusan saham wakaftunai
2.	Pewakaf(Waqif)	1) <b>Umum</b> : individu dan syarikat lain 2) <b>Khusus</b> : syarikat dalam kumpulan JCorp <b>Isu</b> : Golongan yang layak menjadi pewakaf
3.	Penerima Wakaf (mauquf alaih)	<b>WANCorp</b> <b>Isu</b> : WanCorp sebagai pemegang harta wakaf bagi saham wakaf JCorp.
4.	Penerima Manfaat Wakaf	1) <b>Umum</b> ( <i>'Amm</i> ) : Umat Islam dan bukan Islam 2) <b>Khusus</b> ( <i>Khass</i> ): JCorp dan MAIJ <b>Isu</b> : golongan yang layak menerima manfaat wakaf dan keharusan JCorp(pewakaf) menerima sebahagian daripada hasil wakaf
5.	Tujuan Wakaf	<b>Kebajikan</b> ( <i>Khairi</i> )
6.	Nazir/ Mutawalli	<b>WANCorp</b> <b>Isu</b> : keharusan WANCorp mengambil alih peranan sebagai nazir daripada MAIJ

7.	Pengurusan	<b>Korporat</b>
8.	Tempoh	<b>Kekal</b>

#### 4.1 Kecharusan Saham Wakaf Tunai

Saham wakaf ditakrifkan sebagai satu cara berwakaf melalui wang tunai. Iaitu dengan cara membeli unit-unit saham yang ditawarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di setiap negeri dan mewakafkan unit-unit saham tersebut selama-lamanya kerana Allah SWT dengan tujuan kepentingan dan kebajikan umat Islam.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 pada 13 hingga 14 April 1982 di Kuala Lumpur telah membincangkan hukum berkaitan Saham Wakaf Dan Wakaf Gantian (*WakafIbdal*). Muzakarah memutuskan bahawa:

“Mengadakan saham wakaf yang *musytarik* dengan syarikat-syarikat perniagaan melalui belian saham, kemudian diwakafkan dengan tujuan memajukan harta wakaf, adalah diharuskan mengikut syarat-syarat wakaf.”<sup>16</sup>

Saham Wakaf merangkumi dua pengertian iaitu :<sup>17</sup>

- a) mewujudkan suatu wakaf *musytarik* melalui saham-saham dengan syarat-syarat wakaf.
- b) ia merujuk kepada usaha mewakafkan saham-saham syarikat perniagaan melalui belian dan kemudian diwakafkan atau pewakafan saham-saham yang telah sedia ada.

Sama jugalah seperti yang diamalkan oleh Johor Corporation (JCorp) yang menjalankan suatu bentuk wakaf saham tunai yang di peruntukkan dalam saham-saham syarikat sedia

<sup>16</sup> <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal>

<sup>17</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2009. Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat. JAKIM : Kuala Lumpur. Fatwa ke 22.H 84.

ada dan diurus oleh WANCorp yang telah melalui perlantikan perwakilan secara rasmi melalui kesepakatan bersama dengan Majlis Agama Negeri Johor yang merupakan pihak berkuasa wakaf negeri.

#### 4.2 Golongan Yang Layak Menjadi Pewakaf (al-waqif)

Terdapat beberapa syarat yang menjadikan seseorang itu layak untuk berwakaf (al-waqif) iaitu:<sup>18</sup>

**Pertama**, pewakaf mestilah pemilik sebenar harta tersebut, hartanya tidak dibekukan, dia bebas untuk mewakafkan harta itu kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki.

**Kedua**, pewakaf mestilah orang yang berakal, tidak sah wakaf dari orang yang tidak berakal, orang gila, atau orang yang sedang mabuk.

**Ketiga**, pewakaf sudah mencapai umur baligh.

**Keempat**, pewakaf mestilah orang yang mampu bertindak secara hukum (rasyid), rela dan tidak dipaksa.

Syarat untuk melayakkan seseorang melaksanakan wakaf tidaklah terlalu sukar untuk dipatuhi. Ini menjadikan pewakaf boleh terdiri daripada pelbagai peringkat umur, pelbagai bangsa, pelbagai agama, boleh dari kalangan individu mahupun berkumpulan termasuk syarikat atau organisasi. dari badan kerajaan atau swasta, dari muda atau tua, dari yang hidup atau pewakil bagi yang telah meninggal dunia.

Selain syarikat di bawah kumpulan JCorp yang berperanan sebagai pewakaf (waqif) secara khasnya, skim wakaf ini juga terbuka kepada pewakaf-pewakaf yang terdiri daripada individu dan juga institusi secara amnya. Tidak wujud sebarang syarat bagi sesiapa yang mahu menyumbang sebagai pewakaf.

---

<sup>18</sup> Isa Zaki. 1995. *Mujiz ahkam al-waqf*. Al-amanah al-ammah lil awqaf : Kuwait. H 6.

#### 4.3 Jcorp (Pewakaf Dan Pengurus) Turut Mendapat Manfaat Dari Hasil Pelaburan Yang Diwakafkannya.

Penerima manfaat wakaf haruslah bukan ahli maksiat, bukan kafir yang diperangi (harbi) atau murtad, mestilah pihak yang layak menerima manfaat daripada harta wasiat.<sup>19</sup>Pewakaf yang turut mengambil manfaat daripada harta wakafnya, terdapat hadith yang menjadi sandaran dalam menjelaskan perkara ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam kitab Sahih Bukhary dan Muslim :

Umar r.a telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu dia datang kepada Nabi s.a.w untuk minta pandangan tentang tanah itu, maka katanya yang bermaksud:

"Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (walhal aku bercita-cita untuk mendampirkan diri kepada Allah Azzawajalla) apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?"

Maka sabda Rasulullah s.a.w kepadanya yang bermaksud:

"Jika engkau mahu, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya."

Maka Umar r.a pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah (mauquf) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusaka).Tanah itu diwakafkan ke atas fakir miskin, kaum kerabat, untuk memerdekakan hamba sahaya, fisabilillah, ibnissabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan mengambil upah tanpa menjadikan tanah itu seperti miliknya sendiri.<sup>20</sup>

Imam al-Qurthubi menyatakan keharusan pewakaf untuk mengambil manfaat hasil daripada harta wakaf yang diwakafkan.Beliau mengatakan bahawa sudah menjadi kebiasaan(adat) apabila seorang amil turut mengambil manfaat daripada hasil wakaf.

---

<sup>19</sup>119.110.108.125/dana/pwakaf/swf

<sup>20</sup>Abi Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhary. 2002. *Kitab Sahih Bukhary*. Dar Ibn Kathir : Damsyiq. Kitab As-Syurut. Bil hadis : 2737. h 675.

Namun, sekiranya pewakaf(waqif) telah mensyaratkan bahawa pihak yang menguruskan harta wakaf(amil) tidak boleh makan atau mengambil sebarang hasil dari hasil wakaf, maka dalam keadaan ini, amil tidak dibenarkan untuk mengambil sebarang manfaat dari hasil wakaf.

Umar r.a telah mensyaratkan bahawa tidak berdosa bagi pihak yang mengurus harta wakaf untuk memakan dari hasil wakaf tersebut. Begitu juga halnya bagi sesiapa yang menjadikan unta atau sesuatu itu menjadi hak Allah (wakaf), maka dia juga turut diharuskan untuk bermanfaat terhadap hasil harta itu sepertimana orang lain bermanfaat dengannya selagi mana tidak wujud syarat yang boleh melarangnya dari berbuat demikian. Namun begitu, terdapat dua pandangan berkenaan kadar hasil yang boleh diambil oleh amil tersebut, pandangan pertama mengatakan sekadar memenuhi keperluan, pandangan kedua pula mengatakan sekadar berpatutan dengan tugasnya sebagai pengelola harta wakaf.<sup>21</sup>

Harus bagi nazir untuk mengambil hasil dari harta wakaf dengan sewajarnya sekadar memenuhi keperluan tanpa menjadikannya sebagai hak milik.<sup>22</sup>Mengambil sebahagian dari manfaat harta wakaf itu sah bagi nazir sekiranya pewakaf tidak meletakkan sebarang syarat yang boleh melarang daripada berbuat demikian.Seandainya harta yang diwakafkan itu adalah untuk golongan fuqara, maka nazir juga tergolong dalam maksud fuqara ini.Nazir mengambil sebahagian itu bukanlah asal daripada niatnya sendiri tetapi sebaliknya kerana wujud pihak yang berwakaf ke atasnya. Jika pewakaf mewakafkan masjid, tanah perkuburan atau sekolah, pewakaf mempunyai hak daripada manfaat harta tersebut sebagaimana orang lain yang berhak mengambil manfaat daripadanya.<sup>23</sup>

Hadith Uthman r.a, katanya :

---

<sup>21</sup>Ahmad b. Ali b. Hajr Al-Asqalani.2001. *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Bukhari*.Juzu' 5. Kitab Al-Wasiat. Bab adakah pewakaf boleh bermanfaat dengan harta wakafannya.h 450.

<sup>22</sup>Abdullah b. Abdul Rahman b. Soleh Ali Basam. 2006. *Taisir Al-Allam Syarhu 'umdah Al-Ahkam*. Maktabah At-Tabiin : Kaherah. h 536.

<sup>23</sup>Syeikh Mansur b. Yunus b. Idris Al-Buhrati. 2003. *Kasyaf Al-Qina' 'an Matan Al-Iqna'*.Juzu' satu. Dar Alim Al-Kitab : Riyadh. h 2038.

Sesungguhnya Nabi s.a.w sampai di Madinah, dalam keadaan di Madinah tidak ada air yang boleh diminum melainkan air Perigi Raumah. Lalu baginda bersabda : “siapakah yang mahu membeli Perigi Raumah, dan mewakafkannya sehingga dia meletakkan timbanya di telaga itu bersama timba-timba orang Islam, dengan ganjaran yang lebih baik baginya daripada perigi itu di dalam syurga?” Lalu aku (Saidina Uthman r.a) pun membelinya dengan harta milikku sepenuhnya.

Hadis ini menunjukkan bahawa amalan wakaf telah pun aktif dilaksanakan sejak zaman baginda Rasulullah s.a.w lagi, ia juga turut menjelaskan bahawa pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkan. Ini dapat difahami apabila Baginda s.a.w mengizinkan Saidina Uthman r.a meletakkan timbanya bersama timba orang Islam yang lain ke atas perigi yang telah diwakafkan.

Jika dilihat dari sudut pengurusan JCorp, JCorp berperanan sebagai pewakaf dan juga pengurus (nazir am) bagi harta-harta wakaf nya sendiri, sebelum melantik WANCorp sebagai nazir khas. Hal ini telah jelas dinyatakan di dalam Mazhab Syafei bahawa orang yang paling berhak untuk menguruskan harta wakaf ialah orang yang ditetapkan sendiri oleh pewakaf.<sup>24</sup> Jika pewakaf mensyaratkan pengawasannya dilakukannya sendiri, maka dia bertanggungjawab mengawasinya dan sememangnya dialah orang yang paling layak. Jika dia mensyaratkan kepada orang lain, maka syarat tersebut haruslah dipatuhi.

Oleh itu, dari sudut Islami, tidaklah dianggap sebagai sesuatu yang melanggar hukum hakam apabila JCorp menguruskan harta wakafnya lantas mengambil manfaat dari hasil wakaf tersebut sebagai pihak yang menguruskannya (nazir am). Namun demikian, dari sudut undang-undang negara, JCorp masih tertakluk dibawah undang-undang tadbir negara Malaysia dimana pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf adalah majlis agama bagi setiap negeri. Justeru, terpatry satu penyerahan kuasa secara rasmi antara MAIJ dan JCorp sebagai nazir am, lantas melantik WANCorp sebagai satu gagasan yang akan bertanggungjawab menguruskan harta-harta wakaf JCorp (nazir khas).

---

<sup>24</sup>Dr Mustofa Al-Khin, Dr Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji.2009. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*.Jilid 5. Pustaka Salam : Kuala Lumpur. H 959.

Sebagai pengurus harta wakaf, tidak menjadi isu dan kesalahan bagi JCorp untuk turut mengambil manfaat daripada hasil wakafnya. Manfaat sebanyak 25% yang diperuntukkan untuk umum akan dimanfaatkan sama ada melalui projek-projek khas, aktiviti-aktiviti kebajikan dan amal, mahupun aktiviti pembangunan, pendidikan dan modal keusahawanan. Sebahagian manfaat yang turut disalurkan kepada JCorp sebanyak 70% untuk dijadikan sebagai modal pelaburan semula syarikat. Manakala manfaat sebanyak 5% akan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Penerima manfaat wakaf bagi saham wakaf JCorp ini terdiri daripada dua golongan iaitu golongan masyarakat Islam dan bukan Islam secara umumnya dan JCorp dan MAIJ secara khususnya.

#### **4.4 Tujuan Wakaf (Wakaf Khairi)**

Wakaf khairi merupakan wakaf yang menetapkan manfaatnya untuk tujuan kebajikan.<sup>25</sup> Apabila sesuatu harta telah menjadi tahanan wakaf, maka ia menjadi milik Allah dalam erti kata *fi sabilillah*. *Fi sabilillah* bermakna untuk kemaslahatan umat Islam dengan tujuan kebaikan. Wakaf ini termasuk dalam wakaf am yang menunjukkan tujuannya untuk umat Islam keseluruhannya.

Merujuk kepada tujuan wakaf korporat ini yang bertujuan untuk disalurkan kepada sektor pendidikan, kesihatan dan pembangunan ekonomi umat Islam, maka ianya termasuk dalam kelompok wakaf khairi.

#### **4.5 WANCorp Dilantik Sebagai Nazir Dan Penerima Harta Wakaf Sedangkan MAIJ Adalah Pemegang Amanah Tunggal Bagi Harta Wakaf Negeri**

Melalui Perjanjian Persefahaman di antara JCorp dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada 4 Disember 2009, MAIJ bersetuju melantik WANCorp untuk menjalankan kuasa dan tugas-tugas sebagai Nazir Khas menurut Kedah-Kaedah Wakaf 1983 di bawah

---

<sup>25</sup>n.a. 2012. *Tawsiyyat majmua'ah al-amal al-mali (FATF)*. majmua'ah al-amal al-amal limantiq al-shirq al-awsat wa syimal afrikiya : Afrika. H 11.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003. Pelantikan ini berkuatkuasa mulai 11 Julai 2005. Perjanjian ini juga membolehkan JCorp terus mewakafkan saham-saham syarikat miliknya mengikut kaedah wakaf korporat.<sup>26</sup>

Perlu difahami bahawa penyerahan tanggungjawab ini bukanlah penyerahan secara mutlak bahkan JCorp masih terikat dengan beberapa aturan MAIJ dan masih berada di dalam pantauan MAIJ dari semasa ke semasa. JCorp yang bertindak menguruskan harta wakafnya sendiri tidak melanggar mana-mana undang-undang sama ada dalam undang-undang syariah mahupun undang-undang negara. Hal ini kerana, isu berkaitan MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bukan lah merupakan isu syariah sebaliknya merupakan isu dalam dasar pentadbiran yang boleh di ubah mengikut kesesuaian semasa dan persetujuan pihak-pihak yang berkenaan. Hal ini juga telah dinyatakan di dalam fatwa kebangsaan Malaysia<sup>27</sup>.

WANCorp selain berperanan sebagai penerima wakaf (*mauquf alaih*) melalui saham-saham yang telah diwakafkan, ia juga telah diberikuasa selaku pengurus dana wakaf (*nazir/mutawwali*) dan bertanggungjawab untuk menguruskan dana dan menyalurkan hasil-hasil wakaf yang diperolehi kepada penerima manfaat wakaf.

#### 4.6 Pengurusan Dan Tempoh Wakaf

Instrumen wakaf ini juga dianggap sebagai wakaf korporat juga kerana ianya diperkenalkan dan diurus oleh badan korporat iaitu WANCorp. Ciri utama wakaf korporat JCorp adalah terletak pada kaedah pengurusan harta iaitu saham-saham syarikat JCorp yang diwakafkan di mana semua saham akan didaftarkan sebagai wakaf dengan MAIJ di atas nama WANCorp.<sup>28</sup>

Perlu di jelaskan juga bahawa dana wakaf yang diwujudkan adalah bersifat kekal, tiada tempoh tertentu dan hanya hasil wakaf yang disalurkan kepada penerima manfaat wakaf.

---

<sup>26</sup> Abd. Shakor bin Borham. 2011. "Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan", International Conference on Humanities 2011. H 6-7

<sup>27</sup> <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-wakaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk>

<sup>28</sup> Abd Shakor bin Borhan. 2011. "Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad : Satu Tinjauan". *International Conference of Humanities 2011*. Penang. h 9.



## 5 KESIMPULAN

Konsep wakaf korporat yang diketengahkan oleh JCorp merupakan suatu konsep yang memenuhi syarat-syarat perwakafan yang digaris oleh Islam, bahkan menjadi satu kewajipan bagi mana-mana institusi Islam untuk melaksanakan sebarang aktiviti atau menghasilkan produk selari dengan kehendak shariah. Kejayaan yang dibawa melalui konsep ini merupakan sesuatu yang membanggakan dan perlu dicontohi oleh konglomerat Islam lainnya. Hikmah pensyariatan wakaf dalam Islam yang meliputi aspek ibadah dan kemasyarakatan dapat digapai melalui konsep wakaf korporat ini.

Jika dilihat dari sudut ibadah, wakaf adalah amal jariah yang berperanan sebagai salah satu dari penghubung seseorang hamba kepada Tuhannya kerana mampu meningkatkan iman dan taqwa. Dari sudut kemasyarakatan pula, peranan wakaf sangat membantu ke arah pembangunan dan kesejahteraan sosio-ekonomi ummah Islam sejagat. Secara tidak langsung, pensyariatan wakaf mampu menstabilkan kehidupan manusia dalam jangka masa panjang.

Sehubungan dengan itu, apa yang telah dilaksanakan oleh JCorp sewajarnya disokong melalui usaha penambahbaikan berterusan oleh masyarakat Islam seluruhnya. Hubungan baik dan kerjasama yang dibina antara JCorp dan MAIJ juga patut dicontohi oleh negeri-negeri lain. Jika pelaksanaan wakaf korporat dapat dimajukan di negara kita, sudah pastilah ia akan menjadi satu instrumen ke arah memperbaiki ekonomi umat Islam yang dilihat kian merudum.

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan untuk tujuan penambahbaikan dalam pengurusan wakaf korporat. Antaranya ialah :

- 1) Pelaksanaan konsep wakaf korporat perlu dibentangkan dalam jawatankuasa fatwa untk tujuan *monitoring* (pemantauan) bagi mengelakkan sebarang fitnah terhadap pelaksanaan wakaf korporat.

- 2) Pengurus dana wakaf korporat merupakan calon yang mempunyai kepakaran dalam kedua-dua aspek ekonomi dan syariah untuk merealisasikan tadbir urussyariah dalam pengurusan wakaf korporat.
- 3) Bersedia mewujudkan entiti syariah (panel syariah) khas untuk wakaf korporat dan salah seorang daripadanya terdiri daripada pegawai wakaf.
- 4) Memperbanyakkan bentuk pelaburan berasaskan dana wakaf pada aset kekal.
- 5) Mengenal pasti jenis pelaburan berisiko rendah dan berisiko tinggi dan elakkan membuat pelaburan berisiko tinggi contohnya pelaburan dalam SME.
- 6) Mengurangkan peratus manfaat bagi JCorp ke 50% dan meningkatkan peratus manfaat untuk kepentingan masyarakat.

Agihan manfaat yang diuruskan secara telus menjadi timbang tara dan bukti keberkesanan sesuatu aktiviti perwakafan yang dijalankan telah dilaksanakan dengan baik. Pihak kerajaan bertanggungjawab menggunakan pelbagai inisiatif untuk menyemai minat dan meningkatkan kesedaran masyarakat Islam untuk menikmati nikmat wakaf melalui harta miliknya seterusnya membudayakan amalan wakaf dan sedekah jariah sepertimana yang telah berjaya dibudayakan oleh masyarakat di negara Turki yang membangun dengan berkat harta perwakafan.

## RUJUKAN

- Abd. Shakor bin Borham. 2011. “*Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu Tinjauan*”, International Conference on Humanities 2011.
- Abdullah b. Abdul Rahman b. Soleh Ali Basam. 2006. *Taisir Al-Allam Syarhu ‘umdah Al-Ahkam*. Maktabah At-Tabiin : Kaherah.
- Abdullah Bin Muhammad Bin Saad Al-Hujaili.n.d.*Al-Awqaf An-Nabawiyah wa waqfiyat ba’dhu As-Sahabah Al-Kirom*.n.pl. n.pb.
- Abi Abdullah Muhammad b. Ismail al-Bukhary. 2002. *Kitab Sahih Bukhary*. Dar Ibn Kathir : Damsyiq. Kitab As-Syurut. Bil hadis : 2737.
- Afizah Abd Jalal. 2014. *Wakaf Korporat: Transformasi Dalam Pembangunan Ekonomi. Dimensikoop* : Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan.
- Ahmad b. Ali b. Hajr Al-Asqalani.2001. *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Bukhari*.Juzu’ 5. Kitab Al-Wasiat. Bab adakah pewakaf boleh bermanfaat dengan harta wakafannya.
- Al-Sharbiniyy, Mohammad Khatib.1352H/1933M.*Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Maktabah Al-Halabi. Jilid ke-2.
- Asharaf Mohd Ramli2 & Abdullaah Jalil 2012. ”*Model Perbankan Wakaf Korporat: Analisa Wakaf Selangor Muamalat*”. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Encyclopedia of Muamalat. 2010. Terbitan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Faizah Ismail. 2006. *Asas-asas Muamalat Dalam Islam*. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Isa Zaki. 1995. *Mujiz ahkam al-waqf. Al-amanah al-ammah lil awqaf* : Kuwait.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2009. *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat*. JAKIM : Kuala Lumpur. Fatwa ke 22.

Muhammad Bin Isa. 1975. *Jami' As-Sahih Sunan Attirmizi*. n.pl : n.pb. Juzuk 5.Kitab mal-manaqib. Bab fi manaqib Uthman Bin Affan r.a. hadis 3705.

n.a. 2012. *Tawsiyyat majmua'ah al-amal al-mali (FATF)*. majmuah al-amal al-amal limantiq al-shirq al-awsat wa syimal afrikiya : Afrika.

Syeikh Mansur b. Yunus b. Idris Al-Buhrati. 2003. *Kasyaf Al-Qina' 'an Matan Al-Iqna'*. Juzu' satu. Dar Alim Al-Kitab : Riyadh.

Syeikh Safy al-Rahman al-Mubarakfuriyy. n.d. *Seerah Nabawiyah Al-Raheeq Al Makhtum*. n.pl. n.pb.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal>

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-wakaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk>

Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali At-Takiri. 10 Mei 2014. Abdul Rahman Bin Auf ; Mujahid, Dermawan dan Zuhud. <http://www.harakahdaily.net/index.php/kesatuan-fikrah/27790>.  
119.110.108.125/dana/pwakaf/swf

<http://www.wakafselangor.gov.my/index.php/2012-04-27-03-02-07/sejarah-wakaf>

Mohd Zuhairi Safuan. oktober 6 2011. Konsep Ekonomi

Islam. <http://mzuhairi.blogspot.com/2011/10/konsep-ekonomi-islam.html>.